

# Kemajuan IT tuntut kita lebih waspada – SM Goh

KEMAJUAN dalam teknologi maklumat hari ini memudahkan mesej yang tidak bertanggungjawab dan boleh mencetuskan hasutan disebar kepada orang ramai menerusi e-mel, blog, forum perbincangan atau video dalam talian.

Maka itu Singapura perlu lebih berwaspada demi memelihara dan mengekalkan keharmonian agama di sini, menurut Menteri Kanan, Encik Goh Chok Tong, semalam.

“Warga Singapura, terutama warga muda, mungkin tidak hairan melihat masyarakat kita yang berbilang bangsa dan agama hidup dalam suasana harmoni. Namun pelawat asing, yang sering melihat ketegangan agama dan kecurigaan yang wujud di negara lain, berasa terkejut dan menghargai keharmonian di kalangan penduduk berbilang bangsa dan agama di sini.

“Mereka juga terkejut kerana tempat ibadah berbilang agama boleh terletak berdekatan satu sama lain dan bagaimana pertubuhan agama boleh melibatkan diri dalam sambutan agama yang lain,” ujar Encik Goh lagi.

Beliau berkata demikian dalam majlis perasmian Landskap Tetap sebagai lambang keharmonian agama, di Taman Fort Canning semalam.

Dalam majlis itu, para pemimpin agama telah membaca Perisytiharan Keharmonian Agama dan turut diajak menanam pokok.

Faktor penting yang membawa kepada keharmonian kaum, menurut Encik Goh, ialah Singapura mempunyai pemerintah yang bersikap adil dan saksama dan melayan setiap agama dengan penuh rasa hormat.

“Kita juga tidak membenarkan golongan majoriti menenggelamkan golongan minoriti. Kita memastikan tiada sesiapa menghadapi diskriminasi kerana bangsa, bahasa atau agama yang berlainan,” ujar Encik Goh lagi.

Selain pemerintah, Encik Goh turut memuji pemimpin masyarakat dan agama yang turut sama memainkan peranan penting untuk mengekalkan keharmonian kaum dan agama di sini.